



**PERHIMPUNAN BULANAN
JABATAN KIMIA MALAYSIA
JANUARI 2019**

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA
DR. CORNELIA CHARITO SIRICORD
KETUA PENGARAH
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

**10 JANUARI 2019
DATARAN KIMIA MALAYSIA
8.30 PAGI**

**DISEDIAKAN OLEH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

(Salutasi)

Bismillahirrahmanirrahim

- Terima kasih saudara dan saudari
Pengerusi Majlis
- **Yang Berusaha Tuan Haji Mohamed
Zaini bin Abdul Rahman**
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Jabatan
Kimia Malaysia
- **Pengarah-Pengarah Kanan dan Bahagian**
- **Warga Kimia yang dihormati dan dikasih**

Assalamualaikum Warrahmatullahi

Wabarakatuh & Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita berjumpa lagi di dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Kimia Malaysia Ibu Pejabat.
2. Perhimpunan bulan Januari ini adalah pembuka tirai tahun 2019 dan juga merupakan perhimpunan pertama saya sebagai Ketua Pengarah Kimia.
3. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada YBrs. Tuan Haji Mohamed Zaini bin Abdul Rahman di

atas pelantikan beliau sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Jabatan Kimia Malaysia berkuatkuasa pada 15 Disember 2018. Untuk pengetahuan semua, beliau turut menjalankan tugas Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) sehingga jawatan tersebut diisi.

4. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengarah dan warga kerja **Bahagian Pembangunan & Teknologi Maklumat (PTM) & Pusat Latihan Kimia Malaysia (PLKM)** kerana menerima cabaran

sebagai penganjur pertama majlis
perhimpunan pada tahun ini.

Tuan dan puan sekalian,

Belum terlambat untuk saya mengucapkan

Salam Tahun Baru

5. Marilah kita bersama-sama
mengucapkan kesyukuran kerana atas
limpah kurnia dan izinNya, tahun 2018
telah berjaya diharungi dengan penuh
dedikasi dan jayanya. Di kesempatan ini
saya mengambil ruang dan peluang
untuk mengucapkan setinggi-tinggi

penghargaan terima kasih kepada seluruh warga kerja KIMIA atas komitmen, keazaman dan kerja keras berpasukan yang ditunjukkan dalam melaksana segala tugas yang telah diamanahkan sepanjang tahun 2018. *Let us continue and look forward* dan mempertingkatkan azam kita untuk membawa KIMIA Malaysia ke mercu kejayaan yang lebih cemerlang.

[PRESTASI 2018]

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Sistem Pengurusan Kualiti:

6. Pada tahun lepas, dua lagi makmal telah berjaya mendapat akreditasi **MS ISO/IEC 17025:2015 di bawah bidang Forensik** iaitu JKMN Kedah dan Kelantan. Pusat Analisis Forensik juga telah berjaya melepasi standards yang disediakan oleh ANAB dan kesemua 14 Pusat dan Bahagian Forensik di Ibu Pejabat dan Negeri telah selesai diaudit.

7. Pada tahun ini, sistem kualiti jabatan akan bermigrasi ke arah persijilan **MS ISO/IEC 17025: 2017**. Program persijilan ini akan dilaksanakan pada awal tahun ini.

8. Selain itu, migrasi **sistem kualiti pengurusan MS ISO 9001:2015** juga akan turut dilaksanakan di Ibu Pejabat iaitu di Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Pusat Katihan Kimia Malaysia (PLKM) dan Bahagian Pembangunan & Pengurusan Teknologi Maklumat (PTM).

9. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada pegawai yang telah terpilih untuk:

a. **Pemangkuan** seramai 67 orang yang terdiri dari gred N16 sehingga JUSA,

b. **Kenaikan Pangkat** yang melibatkan 62 orang iaitu gred N14 sehingga JUSA,

c. **Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (TBK)** yang melibatkan 68 orang dari gred H14 sehingga gred C38

10. Besarlah harapan saya agar kenaikan pangkat ini menjadi pendorong dan semangat untuk mencapai kejayaan yang lebih besar pada masa akan datang.

Hadirin sekalian,

[SUCCESS STORIES 2018]

11. Saya juga ingin mengimbas kembali kecemerlangan atau "*Success Stories*" bagi Jabatan Kimia Malaysia sepanjang 2018 yang lepas.

12. Kita telah berjaya menyapu bersih anugerah pementoran pada tahun lepas. Pada 9 Oktober 2018, Encik Nor Azmi bin Abd. Karim telah berjaya mendapat anugerah **Tokoh Menti Perkhidmatan Awam** bagi kategori individu dalam **Persidangan Psikologi Perkhidmatan Awam ke 25**. Kita juga telah memenangi 3 anugerah dalam **Seminar Psikologi dan AKRAB MESTECC 2018** yang telah diadakan pada 13 November 2018. Puan Nurhazlina binti Hamzah mendapat Anugerah Mentor Terbaik dan Encik Nor

Azmi Bin Abd. Karim mendapat Anugerah Menti Terbaik. Manakala Anugerah Pasangan Mentor-Menti Terbaik pula dimenangi oleh Puan Fathiah binti Ahmad Zubaidi dan Encik Nor Azmi Bin Abd. Karim.

13. Jabatan Kimia Malaysia, Negeri Sabah telah berjaya menganjurkan program mega, KIMIA RUN 2018 yang berlangsung di Kompleks Sukan Penampang, Sabah pada 11hb Mac 2018. Menariknya program ini turut

disertai secara *virtual* oleh semua cawangan Jabatan Kimia di seluruh Malaysia.

14. JKMN Sabah juga telah berjaya menerima “IKM Laboratory Excellence Award” di majlis Malam Kimia IKM 2018 pada 7hb Disember 2018,
15. Pada tahun lepas, KIMIA telah berjaya mengadakan 5 program CSR iaitu :

- a. Program Scientist for A Day yang telah diadakan pada 3hb Februari 2018 di Ibu Pejabat. Program ini diadakan untuk menyemai minat anak-anak kita kepada bidang sains, teknologi & inovasi;

- b. Pada 21hb April 2018, Jabatan Kimia Malaysia, Cawangan Sibul telah menganjurkan “Projek Penanaman Pokok Gaharu” bertempat di Rumah Panjang

Manggat, Batang Ai, Sri Aman,
Sarawak;

- c. Jabatan Kimia Malaysia Negeri Sabah pula telah menganjurkan Program CSR STI Outreach “Keselamatan di dalam Makmal” pada 3hb Mei 2018 di SMK Tenghilan, Tuaran, Sabah. Program ini memfokuskan kepada keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH) seperti pengurusan & pengendalian sisa

bahan kimia, demonstrasi tindakan tumpahan bahan kimia dan pameran mengenai jenis-jenis PPE dan kegunaannya;

d. Jabatan Kimia Malaysia, Negeri Kedah telah mengadakan Program CSR “Pencegahan Kebakaran” di Maahad Tahfiz Taklim An Nubuwh pada 2hb Ogos 2018. Antara aktiviti yang telah diadakan ialah taklimat berkenaan teori kebakaran, kaedah

memadam api dan asas rawatan kecemasan.

- e. Pada 12hb Disember 2018, Ibu Pejabat telah menganjurkan Program CSR Program Jalinan Ilmiah bersama Persatuan Kebajikan Baitul Saidati Khadija di Pusat Sains Negara. Program ini bertujuan untuk memberi penerangan & berkongsi ilmu pengetahuan tentang penggunaan serta perkembangan sains &

teknologi dalam kehidupan seharian di samping beramah mesra bersama anak-anak Persatuan Kebajikan tersebut;

- f. Sepanjang tahun 2018 juga, Jabatan Kimia Malaysia sekali lagi dipertanggungjawabkan menjadi AJK Sambutan & Protokol bagi program Minggu Sains Negara dan IGEM/MCY 2018 anjuran MESTECC. Ini membuktikan bahawa pasukan Protokol Kimia

telah diiktiraf dan mendapat
kepercayaan pihak luar.

16. Diharap pada tahun 2019 ini, KIMIA akan lebih cemerlang, gemilang dan terbilang dalam pelbagai bidang. Marilah kita sama-sama berusaha dengan lebih gigih ke arah #KIMIABOLEH #KIMIACEMERLANG.

Warga Kimia yang dikasihi sekalian,

**[PERUTUSAN KSN SEMPENA TAHUN
BAHARU 2019]**

17. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk berkongsi beberapa *point* penting perutusan YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail Bakar, Ketua Setiausaha Negara sempena Tahun Baru 2019, antaranya:

- *Do the right thing right the first time*
 - ✓ Kesalahan atau kesilapan bukanlah satu pilihan. Budaya kerja yang berintegriti, menepati janji dan masa, serta amanah dalam setiap

tindakan adalah merupakan faktor kecemerlangan perkhidmatan awam.

- Memodenisasikan penyampaian perkhidmatan
 - ✓ Prosedur sedia ada harus diteliti kewajarannya bagi memastikan ianya sentiasa relevan. Media sosial juga harus dimanfaatkan untuk penyampaian yang lebih cepat dan tepat.

- Perkhidmatan yang mesra rakyat
 - ✓ Perkhidmatan Kerajaan perlu mesra rakyat agar tiada lagi tanggapan bahawa urusan Kerajaan adalah rumit, membazirkan masa dan menyusahkan rakyat.
- Cabaran persekitaran global
 - ✓ Penjawat awam harus sentiasa bersiap-siaga sebagai penggerak utama membantu Kerajaan menghadapi cabaran semasa dengan memastikan tidak berlaku pembaziran sumber. Segala

peruntukan perlu dibelanja dengan optimum serta berhemah.

- Penjawat Awam harus bersatu

- ✓ Penjawat Awam harus bersatu, ikhlas dan berfikir dengan terbuka untuk melaksanakan perubahan agar perkhidmatan awam menjadi satu institusi yang disegani. Peliharalah keharmonian dalam keterujaan membuat pembaharuan dan perubahan.

Tuan-tuan/Puan-puan,

[PERSARAAN JANUARI 2019]

18. Untuk makluman semua, kita akan kehilangan dua orang lagi warga Kimia yang akan bersara pada bulan Januari 2019 ini iaitu :

- Puan Noor Sarimah binti Mohd Said, Setiausaha Pejabat Gred N30, JKMN Perak (PILIHAN) pada-01.01.2019 -
- Puan Amatilah binti Mohamed, Pembantu Makmal Gred C26 TBK, JKMN Melaka (WAJIB) pada 02.01.2019

19. Terima kasih atas jasa bakti dan sumbangan puan-puan pada Jabatan Kimia Malaysia selama ini.

[PEMANGKUAN]

20. Pemangkuan beberapa **Pegawai Sains** sepanjang bulan Disember 2018 yang lepas:

- 10.12.2018 – Penempatan Puan Aminah binti Husin, Pegawai Sains Gred C54 secara pemangkuan di Pusat Sekitaran

- 17.12.2018 – Penempatan YBrs. Dr. Shailini a/p Ashoka, Pegawai Sains Gred C52 secara pemangkuan di Pusat Sekitaran
- 24.12.2018 – Penempatan Encik Shafudin bin Saad, Pegawai Sains Gred C48 secara pemangkuan di Pusat Analisis Industri dan Tarif Kastam

21. Tahniah dan syabas kepada semua.
Diharapkan kenaikan pangkat ini akan

meningkatkan semangat & usaha dalam
kerjaya masing-masing.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

[PEGAWAI BARU]

22. Jabatan Kimia Malaysia telah menerima
beberapa pegawai baru seperti berikut:

- 17.12.2018 – Puan Nurul Asyiqin
binti Mohd Razale, Pembantu
Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred
N19 di Seksyen Kewangan,
Bahagian Khidmat Pengurusan

- 24.12.2018 – Puan Zabidah binti Ali, Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W26 (Memangku) di Seksyen Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan
- 02.01.2019 – Puan Chitra a/p Subramaniam, Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M54 (Memangku) sebagai Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

23. Selamat datang ke Jabatan Kimia Malaysia buat semua! Saya amat

berharap agar puan-puan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik demi jabatan, rakyat serta Negara.

PENUTUP

24. Sebelum saya akhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan selamat panjang umur dan murah rezeki kepada warga KIMIA yang menyambut ulangtahun kelahiran pada bulan Januari ini.

*Sekian, wabillahi taufiq walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.*